



TAJAMNYA PEDANG SALAHUDIN AL AYUBI

Fadzilawani Astifar Alias & Norhafizah Ahmad

Tahukah anda, dalam lipatan sejarah, adanya satu pedang yang dapat membelah batu hanya dalam satu libasan. Menurut pakar sejarah dan pengkaji pedang, Prof. Dr Peter Paufler, terdapat satu pedang yang terbukti mempunyai kebolehan dalam membelah objek yang keras. Nak tahu pedang siapa? Itulah pedang yang pernah dimiliki oleh Salahuddin Al-Ayubi. Dengan adanya pedang ini, ia menjadi salah satu warisan agung bagi umat Islam.

Siapakah Salahudin Al-Ayubi?



Kredit Foto: Coursehero.com

Salahudin Al-Ayubi dilahirkan di Takrit, Iraq pada tahun 532 Hijrah /1138 Masihi dan meninggal dunia pada tahun 589 H/1193 M di Damsyik. Beliau adalah pengasas Daulat Al-Ayyubiyah dan bergelar Sultan Shalahuddin. Seorang pahlawan Islam yang paling gagah berani dalam perang Salib dan berhasil merebut kembali Baitul Maqdis dari tangan kaum Salib Kristian.

Pedang milik Salahudin Al-Ayubi ini merupakan pedang paling tajam yang pernah direkodkan dalam sejarah. Ia turut diakui dan dipersetujui oleh ahli kimia serta pemenang Anugerah Nobel, Robert Curl serta seluruh pakar metalurgi. Ketajamannya mampu menembus baju zirah (baju besi), mampu membelah perisai, pedang, dan batu tanpa memberi kesan atau menumpulkan pedang itu sendiri. Ia juga dikatakan mampu memotong kain sutera yang dilemparkan ke udara. Pedang yang hebat ini dibuat dengan kemampuan yang boleh mengalahkan kehebatan pedang Katana dari Jepun serta pedang Excalibur milik Raja Arthur.

Pedang asli milik Salahuddin Al-Ayubi ini juga mempunyai bentuk melengkung yang tersendiri. Ia juga boleh dibezakan dengan corak seakan air mengalir di sepanjang pedang. Apa yang menariknya, corak ini bukanlah diukir di atas pedang, tetapi corak ini terhasil secara semulajadi semasa proses pembuatannya.



Kredit Foto: arabamerica.com

Para penyelidik mendapati pedang ini dibuat menggunakan teknik penempaan besi “Damacuss” iaitu dengan memasukkan tiub nano karbon (CNT) pada pedang bagi membuatkan pedang lebih tajam dan ringan. Rahsia dalam teknik pembuatan pedang ini begitu dikagumi oleh pengkaji Barat serta pengkaji metalurgi moden. Pada zaman moden kini, pakar metalurgi masih tidak boleh menghasilkan pedang yang dilengkapi dengan teknologi nano yang telah dibuat ketika zaman peradaban Islam lampau antara abad ke 11 hingga 12. Kelebihan CNT ini juga terletak kepada kekuatannya iaitu sebanyak 10 kali ganda berbanding besi biasa. Karbon nano ini juga boleh bertahan pada suhu tinggi serta lebih ringan daripada aluminium. Penemuan CNT dalam pedang Salahuddin Al-Ayubi membuktikan kualiti teknik penempaan besi serta kemajuan teknologi Islam pada 2000 tahun dahulu.

Elemen utama dalam penghasilan pedang menerusi teknologi “Damacuss” ialah gabungan besi yang dipanggil ‘wootz’. Ia merupakan gabungan besi dengan peratusan karbon yang berbeza. Selain itu, elemen lain seperti kromium, manganese, serta kobalt juga dicampurkan bagi meningkatkan lagi kekuatan, ketajaman dan tahap fleksibiliti pedang. Pedang dengan ciri-ciri istimewa ini telah menjadi saksi kepada kepimpinan Salahuddin Al-Ayubi ketika mengetuai bala tentera Islam dalam Perang Salib sekitar abad ke-12. Bukan itu sahaja, perisai dan baju besi Salahuddin Al-Ayubi juga dibuat khas dengan menggunakan teknik yang sama seperti pembuatan pedangnya.

Teknik pembuatan pedang seperti milik Salahuddin Al-Ayubi ini telah tersimpan sebagai rahsia sejak dahulu. Ilmu pembuatan ini hanya diturunkan dan dikuasai oleh sebilangan keluarga kecil penempa besi di Damascus. Dengan pelbagai penemuan baru dalam pembuatan besi, akhirnya teknik pembuatan besi ini terus dilupakan sejak abad ke-18. Pembuatannya juga dikatakan terhenti kerana kehabisan sumber besi dari elemen ‘wootz’ yang didatangkan khas dari India. Apa yang tersisa hanyalah pedang serta senjata perang lain yang tersebar di muzium seluruh dunia. Sehingga kini, para saintis dan pakar pembuat senjata masih tidak dapat menghasilkan pedang dengan kualiti yang setanding dengan pedang Salahuddin Al-Ayubi.

